

**Kerajaan Perlu Bertindak Tegas Halang Penyebaran Ajaran Syiah Di IPT - Pemuda Pas
Bernama
25 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan mahu kerajaan bertindak tegas menghalang penyebaran ajaran Syiah, terutama di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini.

Timbalan Ketuaanya Mohamad Suhaimi Abdul Aziz, yang menyambut baik tindakan kerajaan mengharamkan Pertubuhan Syiah Malaysia, berkata ini adalah kerana ia boleh merosakkan akidah dan boleh mencetuskan perbalahan besar antara umat Islam di negara ini.

"Tindakan kerajaan mengharamkan Pertubuhan Syiah Malaysia berdasarkan kepada peruntukkan Syeksen 5, Akta Pertubuhan 1966 amat tepat pada masanya memandangkan pengaruhnya yang semakin berkembang dan menimbulkan kekeliruan umat Islam," katanya dalam satu kenyataan di sini Khamis.

Semalam, Kementerian Dalam Negeri mengisytiharkan Pertubuhan Syiah Malaysia sebagai sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

Mohamad Suhaimi berkata pihaknya menganggap ajaran Syiah ini sebagai satu ajaran sesat yang lebih bahaya daripada Al-Arqam, serta ajaran sesat yang lain kerana ia jelas memesonkan akidah umat Islam dari ajaran Islam sebenarnya.

"Apa yang dibimbangkan umat Islam yang terperangkap dengan doktrin dan ajaran songsang Syiah kebanyakannya adalah jahil agama, dan baru berjinak-jinak dengan agama Islam," katanya dan menambah, mereka hanya diberi kefahaman mengenai Islam pada suatu sudut yang sempit dan tidak menyeluruh, sehingga mengambil ringan soal ibadat dan amalan Islam.

Suhaimi berkata kesan penuluran ajaran Syiah kepada umat Islam amat membimbangkan kerana ia boleh menyebabkan berlakunya perkahwinan songsang (muta'ah), kefahaman Islam yang longgar sehingga meringankan ibadat dan rukun Islam dan sebagainya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966082>